



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL. 1 /2025

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengaroh Insolvensi Bahagian
Pengaroh Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

**GARIS PANDUAN PENGEMASKINIAN SISTEM MYIMMS BAGI KES
KEBANKRAPAN**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada cawangan bagi pengemaskinian maklumat bankrap dalam sistem Myimms yang melibatkan sekatan ke luar negara.

2.0 DEFINISI DAN TAFSIRAN

Bagi tujuan arahan ini –

- 2.1 “Cawangan” bermaksud semua Cawangan Mdl;
- 2.2 “Ibu Pejabat” bermaksud Bahagian Kebankrapan;

- 2.3 “Pegawai Insolvensi” bermaksud pegawai insolvensi (PI) yang mengendalikan kes-kes kebangkrutan di Cawangan; dan
- 2.4 “Pengarah Insolvensi Negeri” bermaksud Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) atau Ketua Cawangan (KC).

3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Apabila Perintah Kebankrutan/Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman dibuat oleh mahkamah terhadap bankrap, ianya adalah tertakluk kepada sekatan di bawah undang-undang kebangkrutan termasuklah sekatan perjalanan ke luar negara.
- 3.2 Semua individu yang dijatuhkan bankrap adalah tertakluk kepada sekatan perjalanan ke luar negara. Bagi tujuan tersebut Jabatan ini akan mengemaskinikan maklumat kebangkrutan ke dalam sistem Myimms setelah menerima Perintah Kebankrutan/Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman oleh mahkamah.
- 3.3 Jabatan ini akan mengemaskini sekali lagi maklumat kebangkrutan bagi mana-mana bankrap yang mendapat Perintah Pembatalan atau Pelepasan. Sekatan perjalanan akan diangkat dan bekas bankrap boleh melakukan perjalanan ke luar negara selagi mana mereka bebas dari kebangkrutan.
- 3.4 Selanjutnya, bagi pelepasan sementara untuk bankrap melakukan perjalanan ke luar negara dengan kebenaran KPI sepertimana yang tertakluk di bawah Seksyen 38(1)(c) Akta Insolvensi 1967, Jabatan ini akan mengemaskini maklumat kelulusan di dalam sistem Myimms dan sekatan perjalanan akan dibuka selama setahun bagi setiap permohonan.
- 3.5 Tindakan pengemaskinian maklumat ke dalam sistem Myimms akan dilaksanakan oleh Pegawai Insolvensi yang ditugaskan di cawangan masing-masing. Sekiranya tindakan pengemaskinian maklumat tidak dapat dilaksanakan di cawangan kerana masalah teknikal, tindakan tersebut hendaklah dilaksanakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat

4.0 KUASA DAN KAWALAN


- 4.1 Pengarah Insolvency Negeri/Ketua Cawangan hendaklah memastikan bahawa hanya pegawai-pegawai yang dilantik oleh Pengarah Insolvency Negeri/Ketua Cawangan sahaja yang dibenarkan mengakses sistem Myimms.
- 4.2 Pegawai yang dilantik dan telah diberikan akses untuk menggunakan sistem Myimms tidak boleh sama sekali mendedahkan nama pengguna dan kata laluan sistem Myimms kepada mana-mana pihak lain.
- 4.3 Pengarah Insolvency Negeri/Ketua Cawangan hendaklah memastikan pengemaskinian maklumat dalam sistem Myimms dilaksanakan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** dari tarikh penerimaan maklumat perintah kebangkrutan/pelepasan dan pematuhan syarat ke luar negara bagi pelepasan sementara di bawah Seksyen 38(1)(c) Akta 360.

5.0 PEMBATALAN

Oleh yang demikian, Arahan Ketua Pengarah Insolvency Bil. 2/2018 – Garis Panduan Pengemaskinian Sistem Myimms Bagi Kes Kebankrutan adalah dibatalkan.

6.0 KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.



(DATO' ISHAK BIN BAKRI)

Ketua Pengarah Insolvency
Jabatan Insolvency Malaysia

Tarikh: 17 September 2025